

Arroyo minta bantuan Malaysia, Indonesia

UM 24 NOV 2001

MANILA 23 Nov. -- Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo hari ini berkata, beliau akan mendapatkan bantuan daripada pemimpin Indonesia dan Malaysia bagi menamatkan pemberontakan terbaru pejuang Islam di selatan negara itu.

Arroyo tidak menjelaskan lebih lanjut mengenai bantuan yang beliau minta daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Presiden Megawati Sukarnoputri.

Pemimpin pejuang Islam, Nur Misuari, semalam dilaporkan telah melarikan diri ke Malaysia, manakala laporan tidak rasmi hari ini menyebut beliau mungkin

menggunakan perairan di selatan Filipina untuk memasuki Indonesia.

Arroyo berkata, "Pemberontakan akan berakhir dengan tertangkapnya Misuari, yang digantung sebagai Gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao (ARMM) ekoran serangan oleh anggotanya di selatan Pulau Jolo," kata Arroyo.

Malaysia dan Indonesia adalah jawatankuasa lapan anggota dalam Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) yang mengawasi perkembangan perjanjian damai ditandatangani antara MNLF diketuai Misuari dan kerajaan pada 1996. - AFP